

09/05/2000

Perhatian kepada pemilihan tiga Naib Presiden

Abdullah Ahmad

KUALA Lumpur tetap bertenaga, ia bukan pula sebuah kota dalam ketakutan dan parti memerintah terus menghampakan pembangkang: ia tetap ceria dan bersemarak. Parti pemerintah masih tetap mengecewakan pembangkang dengan memenangi pilihan raya kecil Sanggang, dan ia akan membantu MIC memenangi pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang. Tanpa disedari Umno 'mereformasi' dirinya walaupun bercanggah dengan gambaran popular.

Pemilihan Umno akan diadakan esok untuk Wanita dan Pemuda, dan keesokan harinya bagi tiga naib presiden dan 25 ahli Majlis tertinggi (MT). Tiada apa yang baru dan mencuit hati yang boleh difikirkan kecuali pemenang pemilihan Naib Presiden Khamis ini akan menjadi pemimpin masa depan selepas Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Apa yang boleh dikatakan harapan kita terhadap perhimpunan hendaknya jangan terlalu melambung tinggi. Perbahasan akan berlangsung dalam suasana terbuka dengan penuh perasaan tanggungjawab sebagaimana biasa dalam perhimpunan Umno.

Tiada banyak perubahan boleh diharapkan pada sayap Wanita pada masa hadapan kecuali ia menyedari kepemimpinan yang ada tidak padu dan terlalu banyak masa telah terbuang kerana pergolakan dalaman sejak tiga tahun lalu.

Apa yang Wanita Umno kehendaki ialah pimpinan yang selari dengan kehendak wanita Malaysia yang berani untuk mencabar ketidakadilan. Sepatutnya mereka seboleh-bolehnya tulen dan kreatif serta memikirkan jawatan tertinggi sebagai satu wadah untuk berbakti, bukannya penghujung cita-cita. Datin Seri Rafidah Aziz adalah orang lama, tetapi kuat bekerja manakala Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, walaupun beliau mencetuskan keputusan di luar dugaan tiga tahun lalu dengan menumpaskan Rafidah, adalah orang baru. Kadangkala kedua-duanya terlalu lantang bersuara. Tetapi, apa yang paling penting ialah Rafidah menjalankan tugas dengan cekap di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Rafidah dijangka menawan semula kepemimpinan sayap Wanita Umno walaupun Zaharah berusaha keras untuk menafikannya. Tudung menjadi isu antara Zaharah dan Rafidah - sehingga membenam kebolehan dan keupayaan mereka. Zaharah kini memakai tudung.

Dengan kemenangan Datuk Hishammuddin Tun Hussein bagi jawatan Ketua Pemuda tanpa bertanding, perhatian kini ditumpukan kepada jawatan nombor dua antara seorang ahli perniagaan dan aktuari - Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir, seorang 'kaya baru' dan Zein Isma Ismail dari Kluang, Johor. Kedua-duanya telah 'diusir' keluar negara oleh Hishammuddin menjelang pemilihan Rabu ini. Khabar angin mengatakan Zein mengerjakan umrah manakala Aziz ke Makkah melalui Bollywood. Cerita Bollywood ini mungkin dicanang oleh lawan Aziz.

Dengan Dr Mahathir dan Abdullah memenangi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tanpa bertanding, perhatian kini ditumpukan kepada jawatan tiga naib presiden. Daripada sembilan calon naib presiden - pilihan utama nampaknya ialah Datuk Seri Mohd Najib Razak, penyandang dan Menteri Pertahanan dan Datuk Seri Panglima Osu Sukam, Ketua Menteri Sabah dan Ketua Perhubungan Umno Sabah yang menawan negeri itu pada pilihan raya umum lalu. Tempat ketiga, saya percaya, mungkin dimenangi oleh salah seorang Menteri Besar yang bertanding - Datuk Seri Abu Hassan Omar (Selangor), Datuk Abdul Ghani Othman (Johor) atau Tan Sri Isa Samad yang

bertahan lama di Negeri Sembilan. Seperti Osu, semuanya bertanding buat kali pertama.

Calon lain ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim, penyandang, Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang memenangi jawatan itu ketika menjadi Menteri Besar Selangor, dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Daripada mereka, hanya Syed Hamid dan Rais tidak pernah memenangi jawatan berkenaan. Semua sembilan calon berkenaan mempertaruhkan nasib mereka dengan hanya bertanding jawatan naib presiden. Enam calon yang kalah akan terkeluar daripada Majlis Tertinggi. Calon yang mendapat undi keempat terbanyak kebiasaannya dilantik menganggotai MT oleh Presiden. Presiden mempunyai kuasa untuk melantik setiausaha agung, bendahari dan ketua penerangan dan 10 ahli biasa menjadikan keanggotaan Majlis Tertinggi seramai 45 orang.

Jika majoriti 2,018 perwakilan pada Perhimpunan Agung ke-54 memperhitungkan geopolitik, kewarasan fikiran dan mengikut nasihat kepimpinan, keputusannya mungkin seperti yang saya jangkakan. Penyertaan Osu dalam pucuk pimpinan pusat dialu-alukan. Memang kita tidak salah jika menjangka Najib akan menang dengan mudah sepenggal lagi bagi jawatan nombor tiga pucuk pimpinan parti.

Semua sembilan calon adalah orang Presiden. Perwakilan mempunyai banyak pilihan pada Khamis ini. Semuanya mempunyai kewibawaan jika tidak mengagumkan. Sebagai kepastian, perwakilan pernah membuat kesilapan pada masa lalu: prestasi lemah telah menyisihkan seorang yang pada zahirnya nampak seperti kuat bekerja, kesilapan telah menyebabkan persaraan awal seorang lagi, manakala yang ketiga dipecat atas tuduhan salah laku seks sedangkan seorang penyandang yang telah tercemar dan terpinggir mempertahankan kedudukannya.

Perwakilan sepatutnya tidak begitu sukar untuk memilih tiga pewaris naib presiden. Mereka perlu memilih tiga calon yang menurut mereka kelihatan secocok untuk bekerja dengan Presiden dan juga untuk menggarap keseimbangan geografi di mana sebuah negeri yang menjadi kubu parti tidak akan berasa terpinggir semata-mata kerana ia sebuah kawasan baru.

Jam berdetik di kediaman sembilan calon naib presiden. Keputusan pemilihan yang akan disambut dengan sorakan gamat dan mengecewakan yang lain boleh membunuh masa depan politik enam calon yang kecundang. Sesungguhnya, bagi seorang atau dua untuk bangkit semula adalah sukar.

Perhimpunan agung Umno yang dirancang serentak dengan ulang tahun ke-54 parti diadakan ketika parti tidak lagi berhadapan dengan suatu keadaan mencemaskan berikutan pilihan raya umum November lalu. Keadaannya kini sudah pulih. Parti pembangkang kecuali Pas, kelihatan semakin tumpul taring mereka. Ekonomi yang dikemudi Tun Daim Zainuddin walaupun belum pulih sepenuhnya tetapi sudah menerjah semula dengan ramai penganalisis meramalkan masa depan yang gemilang.

Persoalannya bagaimana Umno boleh menjadikan kesinambungannya lebih menyerlah, sekurang-kurangnya bagi tiga atau empat tahun lagi hingga pilihan raya depan? Jawapannya mudah: dialog berterusan dengan rakyat pelbagai kaum dan parti perlu memperbaiki kualiti kemesraan dengan pengundi Bumiputera dan generasi IT dan k-ekonomi.

Sekarang, nampaknya hanya Dr Mahathir dan Abdullah menjelajah negara untuk menemui rakyat. Lebih ramai menteri Umno, menteri besar dan pemimpin muda berwibawa patut turun gelanggang untuk menemui rakyat di peringkat akar umbi seperti yang dilakukan ketika pilihan raya kecil Sanggang, dan diharap ia diulangi ketika pilihan raya kecil parlimen Teluk Kemang walaupun MIC yang bertanding. Pengundi Teluk Kemang terdiri daripada 52 peratus bukan Melayu dan 48 peratus Bumiputera. BN dijangka dapat

mempertahankan kerusi itu dengan mudah.

Jika boleh dinyatakan, Umno perlu memperkemas cara ia berkomunikasi dan mendengar. Maknanya ia harus berusaha menerangkan dirinya, programnya dan matlamatnya dengan lebih jelas tanpa berdolak-dalik atau merendah diri. Sebaik-baik pertahanan ialah serangan. Umno patut menerapkan semula kesedaran di kalangan rakyat terhadap ciri-ciri keunggulannya sebagai sebuah parti progresif dan pilihan terbaik berbanding puak ekstremis Islam.

Apa yang diketahui mengenai Dr Mahathir, ramai mengakui bahawa beliau ialah seorang pendengar yang baik, ciri seorang doktor, iaitu profesion beliau dulunya (dan kini). Beliau bersedia mendengar. Sama ada beliau bersetuju dengan apa yang didengarnya adalah soal lain. Pemimpin bawahan patut menjadi pendengar yang baik seperti Dr Mahathir. Mereka patut mendengar rintihan membina daripada pengkritik jujur yang mendoakan kesejahteraan Umno dan kerajaan tetapi mahukan kedua-duanya memerangi rasuah, mengetengahkan perilaku baik (good governance) dan memperbaiki kedudukan sekolah dan universiti kita. Pada 11 Mei ini, pemimpin Umno patut mengingatkan rakan-rakan yang tulen yang tidak bermuka-muka kerana mereka ini adalah rakan tulus ikhlas kerajaan Umno. Parti dan kerajaan harus lebih senang boleh menerima 'pengkritik' yang mesra ini.

Demokrasi, seperti yang difahami dalam parti, bermakna perwakilan boleh mengundi sesiapa yang disukai tetapi mengikut tradisi pula bermakna memilih mereka yang boleh berkerja dan bekerjasama sebaik mungkin dengan presiden, timbalannya, bendahari dan setiausaha agung. Ciri-ciri yang tuntas ialah kesesuaian mengikut keadaan semasa berikutan tiada siapa yang lebih berketrampilan daripada yang lain. Kesesuaian dan politik nyata akan menentukan pemilihan.

Pemilihan Umno biasanya memihak kepada mereka yang menyandang jawatan kerajaan. Tetapi adakalanya mereka yang tidak menyandang sebarang jawatan pernah dipilih. Dr Mahathir pernah dua kali meraih undi terbanyak bagi jawatan ahli Majlis Tertinggi ketika berada di luar kerajaan. Syed Nasir Ismail menjadi naib presiden dengan mengalahkan Tan Sri Khir Johari, seorang penyandang kuat dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian pada pemilihan Umno 1971. Pemilihan Umno sentiasa adil dan bebas, apatah lagi tahun ini kerana ia bukan saja perlu telus, malah perlu dilihat telus. Saya tidak akan cuba memudarkan kehangatannya ketika gementar dan bahang pemilihan parti petang Khamis ini semakin memuncak, tetapi saya berasa, insya-Allah, semuanya berjalan lancar. Semua calon termasuk 63 yang merebut 25 jawatan dalam Majlis Tertinggi telah melafazkan ikrar bahawa mereka tidak akan mengamalkan politik wang, memberi rasuah dan terbabit dalam kegiatan rasuah - satu janji yang mudah dilafazkan tetapi sukar dipenuhi. Masih ada banyak kempen yang penuh muslihat berlaku - tidak terlalu buruk berbanding pemilihan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Umno, seperti juga parti New Labour di Britain, mempunyai pengaruh terhadap perwakilan (patronage). Ia kekal utuh dan unggul seperti yang diamalkan oleh parti pemerintah di Jepun, India dan Amerika Syarikat. Umno tidak perlu berasa aib tentang hal ini. Semua parti memerintah di merata tempat juga melakukannya, hanya pada tahap yang berbeza.

Pada petang 11 Mei, saya menjangka seorang pemimpin negeri akan menerjah ke persada nasional, menjadikannya sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri, mungkin juga bakal Perdana Menteri dan dengan itu mengubah landasan politik bagi dekad akan datang.

Umum mengetahui bahawa kita kadangkala sewenang-wenangnya lupakan sejarah bahawa Umno telah berjaya membawa perpaduan rakyat serta mengekalkan aman damai dan kesejahteraan negara sejak kemerdekaan. Apabila kita telah berjaya mewujudkan suatu sistem dan suatu parti yang telah

berbakti kepada rakyat dengan cemerlang, kita sepatutnya, tanpa mengira kaum dan pandangan politik, berusaha untuk mempertahankan sistem itu sedaya upaya.

Inilah sebenarnya kenapa pemilihan Umno ini begitu bermakna bagi seluruh rakyat Malaysia. Parti pembangkang, dengan pelbagai dalih, telah mencuba dari semasa ke semasa untuk menggantikan Umno tetapi setiap kali telah gagal. Mereka akan terus mencuba lagi pada pilihan raya ke-11 akan datang.

Oleh itu pengundi Malaysia - terutama mereka yang akan mengundi buat kali pertama - perlu sedar dengan kata-kata kiasan:

"Anak gadis (pengundi) dari Riga (Malaysia)"

"Menunggang harimau (parti pembangkang) dengan mengukir senyuman.

"Mereka pulang dengan anak gadis di dalam perutnya,

"Senyuman lebar terpancar pada wajah si harimau."

Parti pembangkang adalah seperti harimau yang mempelawa tunggangan maut. Rakyat Malaysia perlu memikirkan dengan serius nilai dan keutamaan mereka serta keharmonian agama.

(END)